

23/03/1998

Anak P Ramlee diminta bersatu

Zainuri Misfar

BEKAS Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid merasmikan tiga acara serentak sempena Hari P Ramlee yang julung kali diadakan di Auditorium Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic), Jalan Ampang, semalam.

Acara pertama ialah merasmikan Hari P Ramlee itu sendiri dan pelancaran Tabung Bin Ramlee Bin Putih. Tabung itu ditubuhkan untuk membantu waris P Ramlee, termasuk bantuan untuk mendapatkan hak yang sepatutnya diperolehi dan menjaga karya P Ramlee.

Dalam ucapannya, beliau meminta anak P Ramlee bersatu-padu supaya masyarakat bukan saja terus menghormati karya seniman agung tetapi juga terhadap warisnya.

"Masyarakat sebenarnya simpati. Apa yang berlaku kepada keluarga P Ramlee adalah di luar kawalan. Mungkin masyarakat artis ketika itu tidak merancang kerana memberi tumpuan pada masing-masing."

"Akibatnya, anak-anaknya terabai sikit. Dan ketika itu juga mungkin ada yang tak faham mengenai undang-undang seperti undang-undang hak cipta."

"Tapi kepada anak-anaknya usah berpecah belah. Anak-anak P Ramlee patut bersatu-padu. Mereka juga sepatutnya mencurahkan khidmat kepada masyarakat."

"Saya bangga kerana Datuk Zakiah bersusah-payah berusaha membawa anak-anak P Ramlee tampil. Pada saya sebarang dana tanpa usaha sendiri daripada anak-anak P Ramlee adalah tidak adil," katanya.

Ahmad Sarji berkata ketika menjawat KSN, beliau sendiri mencadangkan kepada kerajaan supaya P Ramlee diberi anugerah tertinggi negara.

"Saya masih ingat pada 1961/62, ada satu artikel dalam akhbar bahasa Inggeris, bahawa orang asing hanya kenal dua orang saja di Malaysia, pertama nama Tunku Abdul Rahman, kedua ialah P Ramlee."

"Jadi, pada 1990 ketika saya jadi KSN, saya berniat memperakukan anugerah Tan Sri kepada P Ramlee. Alasan saya ialah kalau di Britain, baginda Ratu (Elizabeth) boleh mengurniakan anugerah tertinggi kepada tokoh filem, mengapa kita tidak."

"Saya cadangkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong ketika itu, Sultan Azlan Shah. Dan pada 7 Jun 1990, anak P Ramlee, Nasir menerima anugerah itu bagi pihak bapanya," katanya.

(END)